

20 MAY 1997

TONGKAH HOLDINGS MULA EKSPORT ALAT BAHAN BUANGAN

MELAKA, 20 Mei (Bernama) -- Tongkah Holdings Berhad telah menceburi bidang pembuatan peralatan bahan buangan bagi pasaran tempatan dan untuk di eksport ke negara ASEAN, kata pengerusi eksekutifnya Mokhzani Mahathir.

Katanya sebanyak RM35 juta telah dilaburkan oleh kumpulan itu bagi membina kilang pengeluaran bahan berkenaan di Pulau Pinang.

Berucap pada majlis perasmian Loji Pelupusan Sisa Klinikal Tongkah Medivest Sdn Bhd di sini petang semalam, beliau berkata penerokaan dalam bidang berkenaan dibuat dengan usaha sama sebuah konglomerat Eropah, Otto Holding International.

Loji itu dirasmikan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Abu Bakar Daud.

Tongkah-Otto (M) Sdn Bhd telah memulakan operasi bagi mengeluarkan tong sampah beroda dua dan empat untuk pasaran tempatan dan eksport.

"Reka bentuk produk itu juga memenuhi spesifikasi Projek Pengendalian Sisa Buangan Kebangsaan Malaysia," katanya.

Mokhzani berkata usaha sama itu turut membantu Tongkah Medivest mendapat bekalan bekas mengangkut sisa buangan klinikal daripada hospital ke lojinya di sini.

Tongkah Medivest merupakan salah sebuah daripada tiga konsortium yang mendapat kontrak penswastaaan lima perkhidmatan sokongan hospital daripada kerajaan selama 15 tahun bermula Oktober lepas.

Loji bernilai RM13 juta itu merupakan yang pertama seumpamanya yang beroperasi di negara ini dengan peralatan kawalan pencemaran udara yang canggih.

Loji itu berkeupayaan memproses enam metrik tan sisa klinikal sehari dan menyediakan perkhidmatan pelupusan sisa untuk 19 buah hospital kerajaan di Lembah Klang, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.

Loji berkenaan juga menyediakan khidmat pelupusan sisa klinikal bagi hospital swasta, klinik swasta, makmal perubatan, klinik haiwan dan farmasi. -- BERNAMA

MOZ SIA